

12 JUN 2003

DINAR-KONVENSYEN/I

DINAR EMAS: PERTUKARAN ALTERNATIF BAGI PERDAGANGAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Cadangan penggunaan dinar emas sebagai medium alternatif bagi pertukaran perdagangan antarabangsa boleh memberi manfaat kepada negara-negara dunia ketiga, kata pengerusi Dewan Perniagaan Islam Malaysia cawangan Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar, hari ini.

"Saya percaya dinar emas boleh digunakan sebagai satu instrumens bagi perdagangan antarabangsa," katanya di sidang media mengenai "Konvensyen Antabangsa mengenai Dinar Emas".

"Apabila perdagangan antarabangsa stabil dan kadar eksport juga stabil, negara-negara dunia ketiga terutama di rantau Asean boleh memperolehi manfaat daripada kestabilan ini."

Beliau juga berkata dinar emas boleh digunakan sebagai komoditi dan sistem pertukaran mata wang dengan suasana krisis dunia ketika ini dan harga komoditi yang tidak stabil.

Elyas berkata ia juga boleh membantu membangunkan ekonomi negara-negara dunia ketiga termasuk negara Islam seluruh dunia.

Beliau berkata dewan itu akan mengadakan konvensyen sehari mengenai penggunaan dinar emas sebagai medium alternatif bagi perdagangan antarabangsa di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pada 1 Julai.

Konvensyen itu yang bertujuan meningkatkan lagi pemahaman terhadap konsep dinar emas akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Elyas berkata konvensyen itu antara lainnya akan membincangkan kebergunaan dinar emas dan kaitannya terutama di kalangan negara Islam.

Antara penceramah yang terlibat dalam konvensyen itu adalah penolong pengarah jabatan antarabangsa Bank Negara Malaysia, Wan Anisah Wan Ibrahim, yang akan menyentuh mengenai dinar emas sebagai mata wang antarabangsa alternatif; pengarah kanan Institutional and Private Banking Swiss Asia Capital (S) Pte Ltd, Ralston C.Thiedeman, mengenai kesan dinar emas ke atas pasaran antarabangsa; pengarah Dinar & Dirham International Sdn Bhd, Pengiran Abdalhamid David Evans, mengenai dinar emas - wadah bagi perpaduan; dan pengasas Sinar Magazine, Pengiran Umar Azmon Amir Hassan, mengenai dinamik dinar dan pulangnya. -- BERNAMA

FAY TJK ZK